


Vaksin homeopati tak mampu cegah penyakit

134
9/9/16
ms 16

Info

Jadual Imunisasi Kebangsaan



Kuala Lumpur: Produk homeopati yang dijual sebagai vaksin belum terbukti mampu mencegah jangkitan atau penyakit walaupun pengusaha perubatan alternatif mendakwa ia dihasilkan melalui proses semula jadi daripada tisu manusia atau pati tumbuhan.

Kebanyakan produk homeopati yang dijual sebagai vaksin di pasaran kini didakwa dihasilkan melalui proses pencairan pati (ekstrak) tisu berpenyakit daripada manusia atau pati tumbuhan, untuk memberi perlindungan sama seperti vaksin konvensional.

Proses itu turut didakwa mampu

mengekstrak kesan perlindungan semula jadi daripada bahan asal tisu berpenyakit atau pati tumbuhan ke dalam produk dijual.

Bagaimanapun, tiada kajian saintifik dijalankan ke atas produk homeopati digunakan berbanding vaksin konvensional yang terbukti berdasarkan ujian dijalankan untuk mengkaji keselamatan dan keberkesanan vaksin sebelum digunakan secara meluas.

Susulan itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, orang ramai sepatutnya tidak terpengaruh dengan pihak menawarkan vaksin homeopati sebagai alternatif ke-

pada vaksin konvensional yang diluluskan kerajaan.

Dapatkan imunisasi

“Kita menasihatkan orang ramai mendapatkan imunisasi melalui Program Imunisasi Kebangsaan daripada Klinik Kesihatan KKM dan klinik swasta berdaftar,” katanya menerusi laman Facebook-nya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan BH yang mendedahkan strategi segelintir pengusaha perubatan alternatif memperdayakan ibu bapa dengan memperkenalkan vaksin homeopati palsu kononnya mampu



Noor Hisham Abdullah

mencegah penyakit berbahaya bayi.

Menerusi laporan itu, Presiden Majlis Perubatan Homeopati Malaysia (MPHM), Zainul Azmi Ahmad berkata, tiada kilang ubat di dunia menghasilkan produk berlabel vaksin homeopati dan silibus mengenai vaksinasi tidak diajar institusi pengajian perubatan berkenaan.

Tindakan penjualan vaksin itu melanggar etika dan kod amalan pengamal perubatan tradisional dan komplementari yang ditetapkan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) KKM.